

KUALA LANGAT, SEPANG



Anggota trafik melakukan pemeriksaan.

IPD Kuala Langat fokus kesalahan jalan raya

KUALA LANGAT - Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Langat masih memfokuskan kesalahan jalan raya oleh pengguna di daerah itu ekoran terdapat dua kemalangan maut berlaku sepanjang Ops Selamat sempena Tahun Baharu Cina.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendant Azizan Tukiman berkata, beberapa siri sekitaran jalan raya akan dilakukan di sekitar daerah itu memandangkan terdapat 1,636 saman pelbagai kesalahan telah dikeluarkan pihak polis.

"Kita jalankan operasi bagi membanteras kes kemalangan maut dan beberapa siri 'community policing' yang saya serta telah memberi makluman mengenai peraturan jalan raya.

"Bagi saya bila berada di atas jalan, peraturan jalan raya wajib dipatuhi," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Azizan berkata, sejak Ops Selamat

dilancarkan sejak 9 Februari lalu, IPD telah menerima 240 laporan polis melibatkan pelbagai kesalahan.

"Bagi isu gejala mat rempit, saya sudah mengesahkan beberapa lokasi tumpuan mereka dan saya sendiri telah kerahkan anggota untuk turun padang memantau.

"Buat masa ini masih terkawal kita akan adakan operasi dalam masa terdekat di salah satu lokasi tumpuan untuk membantu mengurangkan gejala mat rempit ini," katanya.

Sebelum ini, pelancaran Ops Selamat peringkat daerah telah diadakan di Jalan Banting KLIA selain di hadapan Pasar Raya Giant Banting.

Azizan berkata, pada hari pertama operasi pihaknya mengeluarkan saman pelbagai kesalahan termasuk kesalahan tidak mematuhi lampu isyarat, kesalahan cukai jalan, tida lesen memandu dan tidak memakai tali pinggang keledar.

"Kami berkesempatan menyampaikan sumbangan wang tunai kepada Tahfiz Madrasatul Quran Al-Ridzuan, yang terbakar baru-baru ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

DENGKIL - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) memohon agensi-agensi kerajaan atau swasta terus menyalurkan sumbangan kepada pusat tahfiz bagi memberi kesesuaian kepada pelajar serta memudahkan mereka segera menyambung semula pengajian.

Pengurus Operasi Bahagian Kebajikan dan Publisiti YIDE, Md Arifin Jaafar berkata, bantuan penting terutama bagi Tahfiz Madrasatul Quran Al-Ridzuan yang pernah mengalamai kebakaran kali kedua selepas kebakaran kali pertama pada bulan Januari 2016.

"Buat masa ini, seramai 27 orang pelajar Maahad Tahfiz tersebut telah pulang ke rumah masing-masing sementara proses penambahbaikan bangunan diselenggara.

"Kami berkesempatan menyampaikan sumbangan wang tunai kepada Tahfiz Madrasatul Quran Al-Ridzuan, yang terbakar baru-baru ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Hadir sama dalam menyampaikan sumbangan tersebut adalah Pegawai Kebajikan YIDE, Muhamad Zubair Azizan.

Beliau turut menyifatkan sumbangan itu adalah inisiatif YIDE dan kerajaan negeri



Arifin menyampaikan sumbangan kepada Ishak Jamil (kiri).

dalam meringankan beban pihak Maahad Tahfiz yang terjejas akibat musibah ini.

Katanya, beliau bersyukur kerana tiada kemalangan jiwa yang melibatkan anak-anak tahfiz iaitu berlaku yang mana masyarakat masih lagi diselubungi rasa sedih akan tragedi kebakaran Maahad Tahfiz Ittifaqiyah yang menimpakan amak-anak syurga ini pada tahun lepas.

Dalam kebakaran itu, sebuah bilik asrama terbakat ketika semua pelajar tahfiz tersebut menuaikan solat Zohor di Masjid Al-Ilmi (dahulunya dikenali Masjid As-Sharif) Kampung Dato Ahmad Razali yang terletak di kawasan tahfiz.

Sementara itu, Mudir Madrasatul Quran Al Ridzuan, Ishak Jamil menganggarkan kerugian akibat musibah tersebut adalah lebih RM 20,000.

Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) adalah sebuah agensi dibawah Majlis Agama Islam Selangor (Maiis) yang dipertanggungjawabkan menjalankan aktiviti-aktiviti kebajikan di dalam Negeri Selangor.

Aktiviti kebajikan ini meliputi memberi sumbangan dari barang secara 'Ad-Hoc' kepada golongan sasar dalam bentuk kewangan tunai dan barang keperluan harian seperti pakaian, kelengkapan keperluan diri atau lain-lain keperluan.

Pantau aplikasi media sosial

Media sosial seperti WeChat ada keburukan jika tiada kawalan

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALA LANGAT

Media sosial sebenarnya membantu pengguna berkongsi maklumat namun jika tiada kawalan, media sosial boleh memberi kesan negatif.

Ketua Puteri Umno Bahagian Kuala Langat, Asuma Beevi Mohamed Sali berkata, pihak berkuasa perlu

lebih berperanan dalam memastikan gejala ini dapat dibendung.

Menurutnya, generasi muda kini sering membazir masa melayari media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram.

"Antara yang menjadi trend hari ini adalah Bingo Live, WeChat dan sebagainya. Sekarang, WeChat sering jadi platform remaja membuat perniagaan seks secara bebas.

"Ini adalah kerana tidak ada sesiapa yang memantau aktiviti mereka di dalam media sosial," katanya kepada *Sinar Harian*.

Belialu berkata demikian ketika mengulas mengenai kenyataan Penaung



ASUMA

Pertubuhan Amal Firdausi, Ustaz Hanafiah Abd Malek bahawa aplikasi media sosial WeChat jadi ejen penyubur aktiviti songsang.

Asuma berkata, selain Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia



SHAHRIN

(SKMM), badan-badan lain yang terlibat juga seharusnya diberi peranan untuk mengawal gejala aktiviti negatif di media sosial.

Katanya, isu keselamatan maklumat peribadi akan juga merupakan keburukan

yang dilihat sukar dibendung.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pemuda Pas Kuala Langat, Shahrin Md Amin berkata, pergaulan bebas secara maya tanpa batasan boleh mendorong kepada perka yang tidak bermoral.

"Pemuda Pas Kuala Langat memang memikirkan isu ini, cadangan kita adalah meluaskan penerapan ilmu agama dan keyakinan bawa-wa sistem dosa pahala perlu diperkuatkannya terutama dalam sistem pendidikan.

"Sistem pendidikan perlu diperkasa dengan nilai-nilai jati diri yang mampu menghadapi arus teknologi yang begitu pantas. Pembangunan modal insan perlu seiring de-

ngan perkembangan teknologi," katanya.

Tambahnya lagi, ibu bapa perlu memainkan peranan penting untuk memantau aktiviti harian anak-anak mereka.

"Kami harap aplikasi baharu seperti WeChat, Bigo dan lain-lain perlu dikaji secara tuntas melibatkan pelbagai pihak sama ada ianya perlu dijawab atau disetek.

"Ini memandangkan penggunaan tanpa batasan aplikasi ini dilihat banyak memberi kesan negatif kepada pembentukan akhlak anak bangsa seperti keteguhan, pembaziran masa, hidup tanpa matlamat, selain merencanakan produktiviti," katanya.